

## Hubungan Linguistik Bahasa Iban dan Bahasa Desa

CHONG SHIN  
HERPANUS ANTAM  
REMMY GEDAT

*Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
36000 Bangi Selangor*

**Abstrak** Bahasa Iban dituturkan di Sarawak (Malaysia), manakala bahasa Desa dituturkan di Kalimantan Barat (Indonesia). Dari segi salasilah bahasa, bahasa Iban dan bahasa Desa menduduki cabang bahasa yang sama, iaitu cabang *Ibanik* di Borneo Barat—walaupun berkongsikan cabang yang sama, kedua-dua bahasa ini berbeza dari segi persebaran geografi, status bahasa, bilangan penutur dan terminologi. Makalah ini bertujuan meninjau persamaan dan perbezaan aspek leksikal dan fonologi kedua-dua bahasa Ibanik ini. Data bahasa Iban dikumpulkan dari Miri (Sarawak, Malaysia) dan bahasa Desa diambil dari Emparu' (Kalimantan Barat, Indonesia). Dari segi leksikal, kajian ini mendapati bahawa bahasa Iban dan Desa memperlihatkan banyak persamaan dari segi leksikal dan perbezaan leksikal yang wujud berkaitan dengan faktor peminjaman ataupun kearkaikan sesuatu kata. Begitu juga dengan aspek fonologi, bahasa Iban dan Desa turut memiliki ciri fonologi yang sama misalnya dari segi /k/ berkontras dengan /ʔ/, /\*-r/ dan /\*-h/ > /-ʔ/ dan pelepasan bunyi /h-/. Namun demikian, sebagai dua variasi yang berbeza, dua perbezaan fonologi telah dikenal pasti, iaitu bunyi /r/ dalam bahasa Iban sepadan dengan /ʁ/ dalam bahasa Desa dan bunyi nasal velar akhir /-N/ dalam bahasa Iban dan tampil sebagai alofon [ʁ] dalam bahasa Desa.

**Kata kunci:** bahasa, Iban, Desa, leksikal, fonologi.

**Abstract** *Iban is a language spoken in Sarawak (Malaysia) meanwhile the Desa language is spoken in West Kalimantan (Indonesia). In linguistics comparative, the Iban and Desa share the same language genealogy, namely the Ibanic branch—although different in geography distribution, language status, number of speakers and terminology. This paper aims to*

*review the similarities and the distinctions of Iban and Desa lexically and phonologically. The Iban language was collected from Miri (Sarawak, Malaysia) and Desa was assembled from Emparu' village (West Kalimantan, Indonesia). In terms of the lexical, this study founded the Iban and Desa shows many similarities. The main distinctions of these two languages in lexical are words that originated from archaic and borrowing words. In phonology aspect, it is noticed that both of the Iban and Desa shows the contrast of /k/ and /ʔ/, the / \*-r / and / \*-h / > / -ʔ / and the vanish of / h-/. However, two phonology distinctions were identified namely the /r/ in the Iban is correspondence to the /y/ in Desa and the final velar nasal /-y/ in the Iban language appears as the allophones [ʔ] in Desa.*

**Keywords:** Language, Iban, *Desa*, lexical, phonology.

## PENGENALAN


Di Pulau Borneo, bahasa Iban dituturkan di negeri Sarawak (Malaysia) dan sebahagian daerah Kalimantan Barat (lihat Chong, 2008), manakala bahasa Desa pula dituturkan oleh sekelompok suku 'Dayak' minoriti di Kalimantan Barat (lihat Peta 1). Kedua-dua bahasa ini dikategorikan dalam cabang bahasa *Ibanik* (Hudson, 1970). Dari segi daerah persebaran, jarak kedua-dua kawasan ini amat jauh bahkan dipisahkan oleh bukit-bukau dan sungai-sungai. Menurut Chamber & Trudgill (1980), faktor geografi memungkinkan pembentukan pelbagai variasi bahasa. Mungkin kerana faktor ini, kedua-dua bahasa dari kelompok Ibanik ini memperlihatkan perbezaan linguistik yang nyata. Sungguhpun demikian, sebagai salah satu anggota cabang bahasa Ibanik, kedua-dua bahasa ini tidak terkecuali daripada memiliki persamaan tertentu. Hal ini sejajar dengan hujah klasik Hudson (1970) iaitu:

*“[m]embers of an Ibanic sub-group, comprising such isolects as Sebuyau, Mualang, Kantu’, Seberuang, and the various related Iban dialects of Sarawak and Brunei, may be easily identified on the basis of the presence in word-final position in certain lexical forms of /-ai/ where cognates in other Malayic dialects exhibit /-an/, /-ang/, or, less frequently, /-ar/.”*

## PERSOALAN KAJIAN

Sebagai dua variasi bahasa yang berkongsikan cabang bahasa Ibanik yang sama, adakah bahasa Iban dan Desa hanya memiliki persamaan linguistik seperti yang dinyatakan oleh Hudson (1970) ataupun terdapat persamaan lain yang belum diketahui? Adakah kedua-dua bahasa ini memiliki perbezaan yang ketara akibat pemisahan dari segi faktor geografi? Makalah ini memberi analisis kepada persamaan dan perbezaan dari aspek leksikal dan fonologi kedua-dua bahasa Ibanik ini. Melalui analisis terhadap pertalian ini, gambaran yang luas tentang kekerabatan bahasa Iban di Sarawak dapat diperoleh, di samping mengemukakan bukti bahawa ciri linguistik subkelompok Ibanik bukan terbatas kepada ciri-ciri yang dikemukakan oleh Hudson (1970) sahaja. Terdapat empat bahagian dalam makalah ini, iaitu 1) pengenalan; 2) persamaan dan perbezaan leksikal; 3) persamaan dan perbezaan fonologi; dan, 4) kesimpulan.

**Peta 1** Persebaran bahasa Iban di Sarawak (Malaysia) dan bahasa Desa di Kalimantan Barat (Indonesia)



Sumber: [www.google.com.my/maps](http://www.google.com.my/maps).

Petunjuk:



Kawasan Penutur Bahasa Iban



Kawasan Penutur Bahasa Desa

## KAJIAN LEPAS

Sekiranya disorot sejarah penelitian tentang bahasa Ibanik, sesungguhnya bahasa Iban di Sarawak mendapat perhatian dan penelitian yang lebih jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang mirip dengan bahasa Iban, yang tersebar di bahagian Kalimantan Barat, Indonesia. Boleh dikatakan bahawa tradisi pengkajian bahasa Iban Sarawak telah melebihi 150 tahun dan banyak daftar kata, kamus, tatabahasa, kitab terjemahan, buku komik, novel, buku-buku sekolah dan sebagainya telah diterbitkan; lihat misalnya Asmah (1981), Ray (1913), Janang (2005), Dedy (2004), Cullip (2000), Remmy (2011) dan sebagainya.

Hal ini berkontras dengan kajian terhadap bahasa yang berkait rapat dengan bahasa Iban di Kalimantan Barat. Kajiannya tidak sebegitu banyak dan hanya bermula pada tahun 1950-an. Daripada sekian banyak bahasa Ibanik, misalnya bahasa Ketungau, Ketungau Sesat, Mualang, Kantuk, Bugau, Sebaruk, Demam, Desa, Seberuang dan sebagainya (lihat Chong 2006b), menurut Collins (2004):

*“...hanya bahasa Mualang diberi penelitian yang lebih, terutamanya oleh D. Dunselman (1950, 1955); sebuah monograf kecil tentang bahasa Kantuk (Yoseph 1992) telah diterbitkan di Jakarta dan sebuah kamus Kantuk telah dihasilkan di Pontianak oleh Kadir (1991); Rahim (1997) telah membuat satu kajian perbandingan antara bahasa Iban, Mualang dan Kantuk dan beberapa artikel kecil yang berkaitan telah diterbitkan.”*

Berdasarkan sorotan kajian-kajian lepas ini, jelas bahawa masih wujud banyak kelompongan tentang pengkajian bahasa Ibanik di Pulau Borneo. Sesungguhnya, kajian yang tuntas perlu diberikan untuk menyempurnakan kosa ilmu bahasa Ibanik.

## KAWASAN KAJIAN DAN METODOLOGI

Untuk kajian perbandingan, data bahasa Iban telah dikumpulkan di Miri (Sarawak), manakala data bahasa Desa dikumpulkan dari Kampung Emparu.' Dari segi letakan geografi, Miri terletak di lembah Sungai Baram, utara Sarawak (Malaysia) dan Kampung Emparu' terletak di hulu Sungai Kapuas, Kalimantan Barat (Indonesia). Bahasa Iban di Miri dipilih kerana lokasi ini sangat jauh dari lokasi pertuturan bahasa Desa, iaitu Kampung Emparu.' Jika menggunakan pengangkutan darat (misalnya bas), waktu yang diambil dari Miri ke Kampung Emparu' atau sebaliknya adalah kira-kira 23 jam (tanpa mengira waktu berhenti dan berehat).

Dari segi sejarah, dikesani suku Iban di Miri terlibat dalam siri gelombang migrasi dari tanah asal mereka (lembah Sungai Kapuas) mulai abad ke-19 dan mulai menetap di Lembah Baram (Miri) sekitar abad ke-20 (Pringle, 1970). Penduduk Desa pula tetap berada di tanah asal. Walaupun wujud pemisahan bahasa dari segi waktu antara penutur Iban dan Desa, kajian ini merupakan sebuah penelitian yang berbentuk sinkronik, iaitu kajian deskriptif yang mempelajari bahasa kontemporari tanpa dibandingkan dengan waktu-waktu lain (lihat Chaer, 2003). Kajian diakronik tidak diaplikasikan memandangkan makalah ini hanya berhasrat mengemukakan persamaan dan perbezaan linguistik bahasa Iban dan Desa.

Data yang dibincangkan dalam makalah ini diambil menggunakan kaedah yang sistematik. Sebuah daftar kata yang diolah dari Daftar Kata Swadesh (mengandungi kira-kira 477 patah kata) telah digunakan sebagai panduan mengumpulkan kosa kata. Kata-kata dalam daftar kata ini merangkumi pelbagai aspek, misalnya kata-kata untuk bahagian anggota badan, aktiviti-aktiviti manusia, kata sifat, kata ganti nama, kata nama dan sebagainya. Semasa mengambil data, kata-kata ini diungkapkan dalam bentuk gerak badan dan informan diminta menyebutkan dalam bahasa mereka. Dari segi pemilihan informan, penutur asli bahasa Iban dan Desa (dewasa) yang mempunyai penyebutan yang jelas akan dipilih. Data lisan yang dibekalkan oleh informan akan dicatatkan dengan menggunakan lambang IPA (*International Phonetic Alphabet*).

## PERSAMAAN DAN PERBEZAAN LEKSIKAL

Bahagian ini membincangkan persamaan leksikal yang dikenal pasti dalam bahasa Iban dan Desa.

### *Persamaan Leksikal*

Kalau ditinjau dari segi leksikal, bahasa Iban dan Desa memperlihatkan banyak sekali persamaan. Contohnya:

<b>Erti</b>	<b>Iban</b>	<b>Desa</b>
Kayu	kayu	kayu
Mentah	mata?	mata?
Mengayak	Naya?	Naya?
Dingin	c«lap	c«lap
Mulut	øawa	øawa
Mencuci baju	bampu?	bampu?
Melihat	m«da?	m«da?
Membakar	nunu	nunu
Air	ai?	ai?
Ekor	iku?	iku?

Persamaan ini wujud kerana sistem vokal dan konsonan untuk kata-kata ini adalah selaras. Diperhatikan bahawa perbezaan leksikal-leksikal kedua-dua bahasa ini wujud apabila terdapat perbezaan pada vokal/konsonan atau perubahan fonologi (akan dibahas dalam bahagian perbezaan leksikal).

### *Perbezaan Leksikal*

Terdapat kata-kata yang leksikalnya berbeza kerana perbezaan dari segi kosa kata dan bukan pengaruh daripada faktor fonologi, contohnya:

<b>Erti</b>	<b>Iban</b>	<b>Desa</b>
anjing	ukuy	nudu“?
merah	mireah	øala
hati	ataw	ati

Walaupun dalam bahasa Desa, anjing disebut sebagai [nudu<sup>h</sup>?] dan menampakkan perbezaan dengan bahasa Iban, perbezaan tersebut masih menunjukkan hubungan linguistik kedua-dua bahasa ini yang amat dekat. Kalau dengan merujuk kepada data Iban lain di Sarawak, umpamanya di Kapit<sup>1</sup> ‘anjing’ memang disebut sebagai [udu<sup>h</sup>?]. Menurut informan Iban di Kota Samarahan, Sarawak (Malaysia), kata [udu<sup>h</sup>?] hanya digunakan oleh generasi tua, generasi muda sekarang biasanya menggunakan kata [ukuy].

Berkenaan dengan kata ‘merah’, bahasa Iban meretensikan ciri bahasa Melayik Purba (BMP), iaitu \*ma+iRaq. Dalam bahasa Desa, etimologi kata sifat ini berasal dari warna “api yang sedang menyala.” Kemudian, medan maknanya mengalami penggeseran sehingga membawa erti merah.

Berkenaan dengan kata [ataw] dan [ati], menurut informan Iban, [ataw] adalah sebutan asli bahasa Iban di Sarawak. Kata [ati] yang umum digunakan dalam beberapa variasi Iban di Sarawak, umpamanya bahasa Iban Samarahan diandaikan menerima pengaruh daripada bahasa Melayu Sarawak. Namun, isu ini perlu diteliti lanjut kerana [ati] juga wujud dalam bahasa Desa. Mungkinkah bahasa Desa turut dipengaruhi oleh bahasa Melayu ataupun memang kedua-dua kata [ataw] dan [ati] memang wujud dalam bahasa ini, sama seperti kes pada kata [udu<sup>h</sup>?] dan [ukuy]?

## PERSAMAAN DAN PERBEZAAN FONOLOGI

### **Persamaan Fonologi**

Sebagai bahasa dari cabang Ibanik, kedua-dua bahasa Iban dan Desa menunjukkan beberapa ciri persamaan fonologi, iaitu: (1) /k/ berkontras dengan /ʔ/, (2) /\*-r/ dan /\*-h/ > /-ʔ/.

*/k/ vs /ʔ/*

Bahasa-bahasa Melayik di bahagian Borneo Barat (Kalimantan Barat dan Sarawak) lazimnya menunjukkan kontras antara /k/ dan /ʔ/, misalnya dalam dialek Melayu Sarawak (Collins, 1987), Saribas (Chong, 2006a), Sekadau (Chong, 2004) dan sebagainya. Mungkin untuk peneliti yang tidak terbiasa

dengan alam Borneo Barat, mereka akan menghadapi masalah membezakan sebutan untuk kata-kata yang berakhir dengan /k/ dan /ʔ/. Misalnya untuk kata [keraʔ] ‘sejenis monyet’ dan [kerak] ‘kerak nasi’ dalam dialek Melayu Sarawak. Kedua-dua bunyi ini kedengaran seakan-akan sama jika tidak didengar secara berhati-hati. Namun pada kenyataannya, kedua-dua bunyi ini adalah dua fonem yang berbeza.

Data dalam bahasa Iban dan Desa masing-masing memaparkan /k/ berkontras dengan /ʔ/. Contohnya:

<b>Erti</b>	<b>Iban</b>	<b>Desa</b>
Kera	kəreaʔ	k«Äaʔ
Kerak nasi	k«reak	k«Äak
-----		
Lemak	l«mak	l«mak
Kutu	amaʔ	amaʔ

/\*-r/, /\*-h/ > /-ʔ/

Pada posisi akhir sesetengah kata Iban dan desa, bunyi \*r dan \*h menjelma sebagai /ʔ/. Bahasa Iban di lembah Sungai Saribas, Sarawak (Malaysia) yang diteliti Chong (2006a) dan Dedy (2004) turut menunjukkan ciri inovasi ini. Menurut Nothofer (1996), bahasa-bahasa di Borneo yang memiliki ciri linguistik ini boleh digolongkan dalam *kelompok bahasa Borneo Barat*. Jadi pada konteks umum, bahasa Iban dan Desa turut merupakan anggota kelompok ini. Contohnya:

/\*-r/ > /-ʔ/

<b>BMP / Erti</b>	<b>Iban</b>	<b>Desa</b>
qat«luR	t«luʔ	t«luʔ
(telur)ma-tidur	tindu«ʔ	tindu«ʔ
(tidur)SikuR	ikuʔ	ikuʔ
(ekor)waSiR	aiʔ	aiʔ
(air)		



/\*-h/ > /-?/

<b>BMP / Erti</b>	<b>Iban</b>	<b>Desa</b>
*me(n)tah	mata?	mata?
(mentah)*basuh (membasuh)	maso?	basu“?

Pelesapan bunyi /h-/

Persamaan ketiga antara kedua-dua bahasa ini ialah fonem /h/ tidak wujud pada awal kata kalau dibandingkan dengan bahasa Melayu Baku, contohnya:

<b>Erti/ BM Baku</b>	<b>Iban</b>	<b>Desa</b>
Hisap	isap	isap
Hujan	ujan	ujay
Hidup	idu“p	idup

### **Perbezaan Fonologi**

Sesungguhnya, perbezaan leksikal antara bahasa Iban dan Desa disebabkan oleh perubahan fonologinya. Secara komparatif, kesepadanan /r/ dalam bahasa Iban dengan /Ä/ dalam bahasa Desa memaparkan ciri perbezaan yang pertama. Ciri pembeza yang kedua ialah perubahan fonologi kepada \*-an, \*-aN kepada -ay.

### **Kesepadanan /r/ (Bahasa Iban): /Ä/ (Bahasa Desa)**

Dalam bahasa Iban, /r/ sepadan dengan /Ä/ dalam bahasa Desa. Lihat kata-kata di bawah:

<b>Erti</b>	<b>Iban</b>	<b>Desa</b>
Rumah	rumeah	Äumah
Perut	p«ru“t	p«Äut
Orang	ureaN	uÄa)“
Kerak nasi	k«reak	k«Äak
Serai	s«riy	s«Äay
Berenang	ø«m«Äay	ø«m«Äa)“

Kalau dilihat dalam konteks yang lebih luas, sesungguhnya bahasa-bahasa Ibanik mempunyai pelbagai variasi. Contohnya di Sibu dan Kota Samarahan (Sarawak), /r/ ini bersepadanan dengan /h/ (Chong 2008); varian Ibanik di Sebaru' di Sungai Ketungau (Kalimantan Barat) menunjukkan /r/ sepadan dengan bunyi /Ö/; dan, varian Demam menunjukkan /r/ sepadan dengan /Ä/. Kesemua ciri bunyi ini dikenal pasti menjadi penanda perbezaan variasi dalam bahasa Ibanik (Chong, 2006b).

\*-an, \*-aN > ay

Seperti yang dicatatkan dalam bahagian (1), menurut Hudson (1970), ciri bahasa Ibanik yang dinogstik ialah *-an* dan *-aN* dalam varian Melayik berkognat dengan *-ay* dalam bahasa Ibanik. Perlu ditegaskan di sini bahawa perubahan ini hanya dikenal pasti terhadap kata *jalan*, *makan*, *datang*, *pulang* dan *besar* sahaja.

<b>Erti</b>	<b>Iban</b>	<b>Desa</b>
Berjalan	b«jalay	jalay
Makan	makay	makay
Datang	datay	datay
Pulang	pulay	pulay

Setelah tinjauan terperinci dilakukan ke atas data, didapati bahawa kata-kata Iban dan Desa yang berakhir dengan *-aN* mempunyai jelmaan yang berbeza-beza. Dalam bahasa Iban, kata-kata seperti *orang*, *tulang*, *jangan*, *melawan*, *awan* dan sebagainya tetap mengekalkan bunyi nasal akhir, iaitu *-aN*. Lihat contoh berikut:

<b>Erti</b>	<b>Iban</b>
orang	ureaN
tulang	tuleaN
jangan	aneaN
dukun	maneang

Namun demikian, untuk bahasa Desa, bunyi nasal akhir kelihatan tampil dengan alofon [ʔ] dan bunyi vokal sebelumnya mengalami nasalisasi, lihat contoh berikut:

<b>Erti</b>	<b>Desa</b>
Orang	uÄa)ʔ
Tulang	tula)ʔ
Jangan	ana)ʔ
Dukun	səmana)ʔ

Berdasarkan penjelasan di atas, jelas bahawa walaupun bahasa Iban dan Desa sama-sama mengekalkan ciri diagnostik bahasa Ibanik pada kata-kata tertentu, kedua-dua bahasa ini menunjukkan perbezaan dari segi nasal velar akhir (iaitu sebagai /-N/ dalam bahasa Iban dan tampil sebagai alofon [ʔ] dengan bunyi vokal sebelumnya mengalami nasalisasi dalam bahasa Desa).

## KESIMPULAN

Secara ringkas, bahasa Iban dan bahasa Desa adalah antara puluhan bahasa Ibanik yang ada di Borneo Barat. Dari segi linguistik, bahasa Iban dan Desa ternyata merupakan dua dialek yang tersendiri dan memperlihatkan beberapa ciri persamaan dan perbezaan. Dari aspek persamaan, banyak leksikal bahasa Iban sama dengan bahasa Desa. Kedua-dua bahasa ini juga memiliki perubahan fonologi yang sama dari aspek /k/ vs /ʔ/; /\*-r/, /\*-h/ > /-ʔ/; penambahan bunyi /ʔ/ pada kata-kata tertentu; dan, pelepasan bunyi /-h/. Penyebab utama perbezaan kedua-dua bahasa ini ialah kelainan sistem vokal-konsonan dan perubahan fonologi terutamanya pada bunyi nasal *-an* dan *-ang*. Walaupun memperlihatkan perbezaan, dilaporkan bahawa bahasa Desa dan bahasa Iban adalah ‘saling mengerti’. Hal ini disebabkan bentuk perbezaan tersebut boleh ‘diduga’ oleh penuturnya, contohnya antara kata [kəreaʔ] ‘kera’ (Iban) dengan [k«Äaʔ] (Desa); [ureaN] ‘orang’ (Iban) dengan [uÄa)ʔ] (Desa). Analisis dalam makalah ini menunjukkan hubungan kekerabatan bahasa Iban dan Desa amat dekat, walaupun kedua-dua daerah ini dipisahkan oleh puluhan gunung-bukit dan belasan sungai. Akhir kata,

tulisan ini walaupun sederhana, tetapi telah membekalkan kosa ilmu kepada ilmu linguistik Ibanik di Borneo. Usaha ini penting kerana sering kali penelitian bahasa Ibanik tertumpu kepada Iban di Sarawak (Malaysia) dan jarang sekali ada yang tentang komuniti Ibanik di Kalimantan Barat; lihat Chong (2006b) dan Herpanus (2009).

## NOTA

<sup>1</sup>Kapit adalah sebuah pekan kecil di hulu Sungai Rejang, Sarawak (Malaysia).

## RUJUKAN

- Asmah Omar. (1981). *The Iban language of Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chaer, Abdul. (2003). *Linguistik umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Chambers, J.K. & Trudgill, P. (1980). *Dialectology*. London: Cambridge University Press.
- Chong Shin. (2004). Laporan kajian lapangan di Pulau Borneo: Dialek Melayu Sekadau. *Jurnal Bahasa*. 4 (2): pp. 205 – 224.
- Chong Shin. (2006a). Bahasa Iban dan dialek Melayu Saribas. *Sarawak Museum Journal*. Vol. LXII. No. 83 (New Series): 85 – 106.
- Chong Shin. (2006b). Menilai distribusi dan ciri linguistik varian Ibanik. In Chong Shin, Karim Harun & Yabit Alat (eds.). *Reflections in Borneo Rivers: Essays in honor of Professor James T. Collins*, Pp. 97-109. Pontianak: STAIN Pontianak Press.
- Chong Shin. (2008). Akomodasi pertuturan dari bahasa Iban ke bahasa Iban. Makalah yang dibentangkan di *Seminar Antarabangsa Dialek-dialek Austronesia di Nusantara III*, anjuran Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, 24-26 Januari.
- Collins, J. T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (2004). Ibanic languages in Kalimantan Barat, Indonesia: Exploring nomenclature, distribution and characteristics. *Borneo Research Bulletin*, 35: pp. 17 – 47.
- Cullip, Peter. (2000). Language use and attitudes of the Remun of Sarawak. *The Sarawak Museum Journal*, Vol. LV (No. 76(New Series): pp. 1 – 44.
- Dedy Ari Asfar. (2004). *Sastera lisan Sungai Rimbas Sarawak: Perspektif etnopoitika*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Dedy Ari Asfar. (2005). *Sastera lisan Iban Sungai Rimbas, Sarawak: Perspektif etnopoitika*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Herpanus Antam. (2009). *Etnolinguistik Dayak Desa: Zingiberaceae dan masyarakat*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hudson, A. B. (1970). A note on Selako: Malayic Dayak and Land Dayak language in Western Borneo. *Sarawak Museum Journal*. 18 (36 – 37): pp. 301 – 318.
- Janang Ensering. (2005). Bup Jako Iban: A monolingual dictionary for the future. In Collins, James T. & Hermansyah (ed.). *Proceeding the languages and literatures of Western Borneo: 144 years of research*, pp. 190 – 202. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Nothofer, B. (1996). Migrasi orang Melayu Purba: Kajian awal. *Sari*, 14: pp. 33 – 53.
- Pringle, Robert. (1970). *Rajahs and rebels*. Ithaca: Cornell University Press.
- Rahim Aman. (2006). *Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk, dan Mualang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ray, J. J. (1913). The language of Borneo. *The Sarawak Museum Journal*, 1(4): pp. 1 – 196.
- Remmy Anak Gedat. (2011). *Kepelbagaian variasi Iban dan corak pemilihannya dalam interaksi: Kajian kes di bahagian Barat Sarawak*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.